

03/07/2000

Komputer: Pejabat pos keluar borang KWSP

KUALA LUMPUR, Ahad - Pencarum yang ingin mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi membeli komputer boleh berbuat demikian dengan mengisi borang yang disediakan di semua pejabat pos di seluruh negara.

Pengerusi Eksekutif Pos Malaysia Berhad, Tan Sri Zainol Mahmood, berkata pencarum juga boleh meminta supaya borang dihantar terus ke rumah mereka dengan menelefon talian bebas tol 1-800-889933.

"Bagi memudahkan pencarum, Pos Malaysia dengan kerjasama tiga syarikat komputer juga telah menyenaraikan sebut harga komputer yang boleh ditempah oleh pencarum.

"Malah, komputer yang ditempah akan dihantar dan dipasang di rumah pencarum secara percuma selepas pembayaran dibuat," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata tempahan bagi komputer berjenama IBM, Gateway dan HP itu boleh dibuat tanpa dikenakan sebarang deposit.

Kebenaran mengeluarkan caruman KWSP sehingga RM3,500 bagi membeli komputer terkandung dalam Belanjawan 2000.

Zainol berkata, langkah Pos Malaysia menyediakan kemudahan itu adalah selaras dengan kempen besar-besaran bagi menjayakan matlamat 'satu keluarga satu komputer'.

Katanya, kempen itu dijangka dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi, diikuti pelancaran pada peringkat negeri oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri.

"Kempen itu bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia menyambut seruan kerajaan supaya mempunyai komputer serta mempelajari ilmu komputer dalam masa yang singkat," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, TMnet juga menawarkan perkhidmatan penyambungan Internet secara percuma kepada semua pencarum yang menempah komputer menerusi Pos Malaysia.

Zainol berkata, Pos Malaysia akan bekerjasama dengan KWSP dalam proses mengedarkan borang-borang permohonan dan mengemukakan permohonan untuk pertimbangan KWSP.

"Sumbangan Pos Malaysia kepada KWSP dalam perkara ini ialah untuk membantu caruman yang dikeluarkan tidak disalahgunakan bahkan menjamin ia hanya khusus untuk membeli komputer," katanya.

Beliau juga berkata Pos Malaysia akan memasang komputer di pejabat pos di semua kawasan luar bandar bagi membantu kerajaan menjayakan program Internet Desa.

"Penduduk kampung, ladang dan kampung baru dapat diperkenalkan serta dilatih dalam bidang komputer dan Internet supaya mereka juga tidak ketinggalan di dalam pembangunan negara yang pesat ini," katanya.

Sementara itu, Gateway Malaysia Sdn Bhd, satu daripada tiga pengeluar komputer yang dipilih dalam program Pos Malaysia itu berkata ia menawarkan dua sistem berbeza, Professional 500c dengan harga RM2,999 dan Professional 667, berharga RM3,499.

Dalam satu kenyataan ia menyatakan bahawa dengan memperkenalkan kempen itu, Pos Malaysia membantu mengurangkan kesan yang dinamakan pemisahan digital iaitu yang membuka jurang di antara orang yang menguasai teknologi dan yang tidak.

(END)